

utusan Malaysia 5/12/15



TAN BOK KOON meninjau salah satu lokasi yang dilanda banjir kilat di Pandamaran, Klang, Selangor, baru-baru ini. - **UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS**

Isu banjir di Pandamaran berlarutan hampir lapan tahun

KLANG 4 Dis. - Penduduk di Pandamaran di sini kecewa apabila masalah banjir yang melanda kawasan itu setiap kali hujan lebat sejak lapan tahun lalu masih belum diatasi.

Timbalan Ketua Pemuda MCA Klang, Datuk Tan Bok Koon berkata, meskipun sudah terlalu banyak aduan dikemukakan kepada kerajaan negeri, masalah tersebut seolah-olah dipandang sepi.

"Masalah banjir kilat telah menghantui penduduk di sini lebih daripada lapan tahun lalu. Adakah Majlis Perbandaran Klang (MPK) mahupun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) prihatin terhadap masalah rakyat?"

"Walaupun beratus aduan telah dibuat kepada kerajaan negeri, namun tiada tindakan dan maklum balas diterima penduduk. Masalah terus berlaku tanpa ada langkah yang konkrit bagi mengatasinya,"

katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas melawat kawasan banjir sekitar Pandamaran di sini baru-baru ini.

Bok Koon menambah, kerajaan negeri sepatutnya bertindak segera terhadap segala aduan rakyat kerana banjir kilat yang sering berlaku boleh mengancam nyawa penduduk.

"Menteri Besar sudah tukar yang baharu, ADUN dan Ahli Parlimen sudah orang baharu. Sampai bila kesengsaraan rakyat akan berakhir?"

"Ini adalah tanggungjawab ADUN dan MPK yang sepatutnya membantu mengurangkan derita rakyat."

"Sampah banyak tersekat di longkang menyebabkan banjir kilat berlaku hinggalah pekedai dan penduduk tidak sempat menyelamatkan barang mereka," katanya.